

SULIT

**MESYUARAT KEEMPAT, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
(BATU PAHAT)**

NO. SOALAN : 514

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk membantu meringankan kehidupan rakyat luar bandar yang ditimpa masalah kenaikan harga keperluan harian, kejatuhan produk keluaran kampung dan terbatasnya sumber pencarian yang mulai di ambil alih oleh pendatang asing.

SULIT

SULIT

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) komited ke arah membantu meringankan bebanan kehidupan masyarakat luar bandar selaras dengan pelaksanaan Program Transformasi Luar Bandar (RTP). Kementerian ini melaksanakan pelbagai program di bawah RTP untuk menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan swasta, aktiviti ekonomi, keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan. Kementerian ini telah melaksanakan dan merancang pelbagai inisiatif untuk membantu meringankan kehidupan rakyat luar bandar terutamanya dalam menangani isu kenaikan harga keperluan harian, kejatuhan produk keluaran kampung dan terbatasnya sumber pencarian yang mulai diambil alih oleh pendatang asing.

Antara program yang dilaksanakan ialah Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasar menyertai atau menjalankan projek-

SULIT

SULIT

projek ekonomi dalam pelbagai sektor. Matlamat program ialah untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta meningkatkan taraf hidup dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan. Bantuan diberikan dalam pelbagai bentuk seperti input bahan mentah, ruang niaga, bengkel dan peralatan serta khidmat nasihat dalam memastikan pelaksanaan program berjalan lancar dan memberikan manfaat kepada penerima. Kumpulan sasar bagi pelaksanaan PPP terdiri daripada golongan Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40). Kadar bantuan bagi seorang peserta adalah sebanyak RM10,000 (maksimum) bergantung kepada projek yang dilaksanakan. Bantuan ini juga merangkumi kos latihan / kursus kemahiran asas projek yang berjumlah maksimum RM1,500 seorang dan dikendalikan oleh Agensi Pelaksana atau lain-lain badan bertauliah yang dilantik oleh Agensi. Projek-projek ekonomi PPP memberi tumpuan kepada empat (4) skop utama seperti berikut:

- a) Projek Ekonomi Berasaskan Perusahaan Sumber Asas Tani/ Perikanan/ Penternakan;

SULIT

- b) Projek Ekonomi Berasaskan Perniagaan Secara Kecil-kecilan;
- c) Projek Ekonomi Berasaskan Aktiviti Perkhidmatan; dan
- d) Projek Ekonomi Berasaskan Aktiviti Pertanian/ Perikanan/ Penternakan.

SULIT

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
DARIPADA [PENAMPANG**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika Kerajaan akan memperbetulkan buku sejarah di sekolah berkenaan dengan fakta sebenar pembentukan Persekutuan Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penyediaan buku teks oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berpandukan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Fakta sejarah yang terkandung dalam buku teks Sejarah telah melalui proses penelitian, semakan dan pengesahan oleh Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah yang melibatkan tokoh akademik daripada pelbagai kepakaran dalam bidang ilmu sejarah sama ada sejarah negara mahupun sejarah negara luar.

Pembentukan panel ini bertujuan memastikan fakta sejarah negara dalam penggubalan kurikulum Sejarah dan penerbitan buku teks Sejarah adalah tepat dan benar berdasarkan sumber dan bahan sejarah yang sebenar. Panel ini berfungsi untuk mengawal mutu kurikulum sejarah dan buku teks sejarah yang dihasilkan mengikut keperluan semasa tanpa memesongkan dan menokok tambah fakta sejarah. Sekiranya terdapat fakta yang meragukan, KPM akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut keperluan.